

SPRM soalsiasat dua ADUN S'gor
Malaysiakini.com
July 01, 2010

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) hari ini memanggil dua orang ADUN dari Selangor untuk disoal siasat.

Mereka ialah ADUN Batu Caves, Amirudin Shari dan ADUN Sri Muda, Shuhami Shafie - kedua-duanya dari PKR.

Amiruddin dan Shuhami tiba di ibu pejabat SPRM di Putrajaya pada jam 3 petang tadi.

Mereka turut ditemani peguam masing-masing serta kira-kira 30 orang penyokong.

Tidak diketahui sama ada mereka disoal siasat atas sebarang kesalahan.

Exco kerajaan Selangor, Yaakob Sapari yang hadir di luar ibu pejabat SPRM, memberitahu wartawan bahawa dia mengesyaki siasatan tersebut berkaitan dengan operasi haram melombong pasir di negeri itu.

Katanya, dua ADUN tersebut tidak bersalah dan mereka menjadi mangsa kempen untuk memburuk-burukkan kerajaan Selangor.

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd.
Source : <http://www.malaysiakini.com/news/136124>